

22/01/1998

Syarikat Amerika setuju Asean guna wang serantau

SYARIKAT antarabangsa Amerika Syarikat berminat dengan saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, agar negara Asean mengurus niaga menggunakan mata wang negara anggota badan serantau itu.

Namun demikian, Presiden Majlis Perniagaan Amerika Syarikat-Asean, Ernest Bower, berkata cadangan itu mempunyai asas kukuh tetapi mekanisme bagaimana penilaian asas harga produk disandarkan perlu diselesaikan dahulu.

Katanya, syarikat Amerika akan memerhatikan perkembangan itu dan cuba membantu sebaik mungkin.

"Ini mungkin idea yang baik. Keadaan sekarang mungkin memaksa negara serantau tidak menggunakan dolar Amerika.

"Kami sedar kenapa perkara ini dibangkitkan, kami akan membantu biar apa saja mekanisme urus niaga yang digunakan kerana mahu terus berada di pasaran serantau.

"Namun, persolan pada asas apakah harga produk dinilai perlu diselesaikan jika urus niaga ini hendak dilaksanakan," katanya selepas pertemuan dengan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti), Datuk Seri Rafidah Aziz, di Kuala Lumpur, semalam.

Bower berkata, perbincangan dengan Miti bertujuan mengenal pasti apakah bantuan yang boleh diberikan syarikat Amerika yang sudah bertapak kukuh di Malaysia bagi menangani kegawatan semasa.

"Masalah utama yang membimbangkan syarikat Amerika berhubung pasaran serantau adalah penurunan nilai mata wang.

"Ia adalah masalah yang begitu serius.

"Jadi kami ingin tahu lebih mendalam apa yang sudah terjadi dan bagaimana bantuan dapat diberikan.

"Syarikat Amerika juga ingin tahu berhubung sektor perbankan bagi memastikan mereka mempunyai kecairan mencukupi untuk syarikat swasta tempatan," katanya.

Bower berkata, syarikat Amerika yakin dengan kepesatan pasaran Malaysia dan terus berada di sini dengan mencadangkan aspek pelaburan semula dan membawa teknologi tinggi bertaraf dunia.

"Malaysia menjadi landasan syarikat Amerika untuk pasaran Asean," katanya.

Sementara itu, Rafidah berkata syarikat Amerika yakin dengan pasaran Malaysia dan mencadangkan agar proses kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) dipercepatkan kerana mereka ingin menembusi pasaran Asean.

Katanya, syarikat Amerika ingin mendapatkan maklum balas lanjut berhubung pelaburan di Malaysia termasuk sektor pertanian.

(END)